

Perkahwinan Kanak-kanak dalam Islam

Muhammad Al-Ghazalli Abdol Malek
Mohd Al Adib Samuri

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2024
www.ukm.my/penerbit

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2024
Hak Cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
www.ukm.my/penerbit
e-mel: penerbit@ukm.edu.my

Penerbit UKM adalah anggota/ *is a member of the*
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA/
MALAYSIAN SCHOLARLY PUBLISHING COUNCIL
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA/
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli/ *Membership No.* 198302

Atur huruf oleh/ *Typeset by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*
PERCETAKAN INFO MEDITASI SDN. BHD.
No. 25, Jalan Balakong Jaya 1,
Taman Industri Balakong Jaya,
43300 Balakong, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-486-236-4

Kandungan

Senarai Singkatan ... 7

Senarai Kes ... 9

Senarai Statut ... 11

Prakata ... 13

BAB 1 Wacana Semasa berkaitan Perkahwinan Kanak-kanak ... 17

BAB 2 Perkahwinan Kanak-kanak menurut Perundangan ... 40

BAB 3 Wacana Hukum Islam ... 67

BAB 4 Pendirian Pemegang Taruh terhadap Perkahwinan
Kanak-kanak ... 85

BAB 5 Pembaharuan Undang-undang di Malaysia ... 113

BAB 6 Ke Arah Memelihara Kepentingan Terbaik Kanak-kanak ... 142

Rujukan ... 149

Indeks ... 163

Prakata

Segala puji-pujian dan kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT atas keizinan-Nya, akhirnya buku ini berjaya diterbitkan selepas berhempas-pulas menyiapkannya. Selawat dan salam buat junjungan besar Rasulullah SAW, para isteri dan keluarga, para sahabat, serta para pengikut Baginda SAW yang membawa panji kebenaran sehingga ke hari perhitungan. Buku ini merupakan hasil olahan dan suntingan daripada tesis di peringkat Ijazah Sarjana yang berjudul ‘Pembendungan Perkahwinan Kanak-kanak menurut Konteks Perundangan di Malaysia’.

Perkahwinan kanak-kanak merupakan isu global yang memberi kesan kepada berjuta-juta kanak-kanak pada setiap tahun yang berleluasa di pelbagai negara. Amalan tersebut melibatkan perkahwinan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang disifatkan sebagai pencabulan hak asasi kanak-kanak, dan berupaya membawa kesan negatif kepada kesejahteraan fizikal, psikologi dan emosi mereka. Walau bagaimanapun, perkahwinan kanak-kanak masih berterusan di kebanyakan negara majoriti Muslim, dan isu tersebut telah menjadi topik perdebatan dan perhatian yang penting dalam masyarakat Islam.

Buku *Perkahwinan Kanak-kanak dan Islam* ini bertujuan untuk mengkaji isu perkahwinan kanak-kanak dalam konteks undang-undang dan perspektif Islam, serta penglibatan ulama dan pemimpin Islam dalam usaha menamatkan amalan ini. Buku ini meneroka aspek hukum syarak dan perundangan, mengapa perkahwinan kanak-kanak masih berterusan di beberapa negara majoriti Islam, dan usaha yang sedang dilakukan dalam membendung amalan ini. Buku ini juga menghuraikan peranan undang-undang dan Islam dalam membentuk sikap dan amalan masyarakat berkaitan perkahwinan kanak-kanak, serta potensi undang-undang Islam untuk dijadikan sebagai kerangka penyelesaian isu tersebut.

Buku ini dimulakan dengan memberikan gambaran keseluruhan tentang akar sejarah dan budaya perkahwinan kanak-kanak dalam masyarakat Islam. Buku ini seterusnya turut meneliti pelbagai hujah undang-undang dan agama yang telah digunakan untuk membenarkan amalan perkahwinan kanak-kanak, dan hujah balas yang dikemukakan

oleh mereka yang berusaha untuk membendungnya. Buku ini juga akan memberi tumpuan kepada penglibatan ulama dan pemimpin Islam dalam menamatkan perkahwinan kanak-kanak. Melalui pelbagai faktor agama, budaya, dan sosial terhadap perkahwinan kanak-kanak. Buku ini juga akan mengetengahkan usaha ulama dan pemimpin Islam untuk mengubah perspektif dan pendirian masyarakat, agar isu perkahwinan kanak-kanak ini dapat diselesaikan dengan harmoni.

Di samping itu, buku ini juga akan menjelaskan peranan ulama dan pemimpin Islam dalam membentuk undang-undang dan dasar berkaitan perkahwinan kanak-kanak, dan cabaran yang mereka hadapi dalam melakukannya. Pembaharuan undang-undang yang diperlukan ini bertujuan untuk membendung perkahwinan kanak-kanak dengan berkesan, termasuklah beberapa cabaran yang perlu diatasi untuk melaksanakan pembaharuan tersebut. Pembaharuan undang-undang adalah diperlukan dalam undang-undang keluarga Islam di kebanyakan negara Islam bagi membendung perkahwinan kanak-kanak, kerana rangka kerja undang-undang semasa di negara-negara ini sering tidak melindungi hak kanak-kanak sewajarnya daripada amalan perkahwinan kanak-kanak. Masih banyak negara yang mempunyai had umur minimum yang sah bagi perkahwinan di bawah 18 tahun, iaitu tahap umur dewasa dan umur yang ditetapkan oleh Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak. Undang-undang tersebut membolehkan pendaftaran undang-undang perkahwinan kanak-kanak di bawah 18 tahun dibuat secara pentadbiran. Antara sebab lain ialah kebanyakan undang-undang di negara-negara Islam tidak menyediakan perlindungan undang-undang yang mencukupi untuk melindungi hak kanak-kanak dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, seperti hak pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, dan perlindungan daripada risiko penderaan dan eksploitasi.

Pengarang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas geran penyelidikan yang menyalurkan dana projek penyelidikan (FRGS/1/2019/SSI10/UKM/02/4) bertajuk 'Pembinaan Modul Latihan Perkahwinan Kanak-kanak bagi Pegawai Agama dan Syariah menurut Hak Asasi Manusia dan *Siyasah al-Shar'iyah*'. Menerusi inisiatif penyelidikan tersebut, maka terhasil buku ini dengan jayanya. Begitu juga, apresiasi juga ditujukan kepada Penerbit UKM atas inisiatif Dana Penerbitan Buku (DPB-2023-134) yang diberikan sehingga

buku ini berjaya diterbitkan. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para pembaca sekalian bagi memahami wacana perkahwinan kanak-kanak pada konteks hari ini dengan lebih jelas.

Muhammad Al-Ghazalli Abdol Malek

Mohd Al Adib Samuri